



فچابة فربندهارأن نکری ترغکانو

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,
20592 Kuala Terengganu.

Telefon : 09-623 1957
Faks : 09-623 7949 (Perb. Tr)
: 09-626 7948 (Bend. Tr)
E-mel : perbendaharaan@terengganu.gov.my

Ruj. Kami: PERB.TR.U/73/03/01/4 - ()

Tarikh : 05 April 2017

Bersamaan: 06 J' Akhir 1438H

Semua PTJ

Tuan,

PEMBUKAAN KAUNTER KHAS POS DIGICERT

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, pihak Perbendaharaan Negeri Terengganu dengan kerjasama pihak Pos Digicert Sdn. Bhd. (Digicert Sdn. Bhd.) akan membuka kaunter khas pada 18 April dan 19 April 2017. Pembukaan kaunter khas tersebut bertujuan bagi menyelesaikan urusan pembaharuan token yang telah tamat sah laku atau yang akan tamat sah laku dalam jangkamasa terdekat. Disamping itu juga pembukaan kaunter tersebut adalah bagi menyelesaikan permasalahan terlupa nombor pin, nombor pin disekat, permohonan baru token dan lain-lain masalah berkaitan dengan token.

3. Tuan/puan disarankan untuk hadir sendiri ke Pejabat Perbendaharaan Negeri bersama-sama token yang dipegang bagi urusan terlupa nombor pin atau nombor pin disekat. Manakala bagi urusan permohonan baru token atau pembaharuan tempoh sahlaku token, tuan/puan diminta membawa bersama salinan kad pengenalan pemohon, borang permohonan, pesanan tempatan dan token yang telah tamat tempoh sah laku (urusan pembaharuan token sahaja). Sekiranya pemegang token tidak dapat hadir sendiri, maka bolehlah mewakilkannya kepada kakitangan lain tetapi perlu disertakan surat perwakilan diri.

4. Pihak kami berharap dengan pembukaan kaunter khas tersebut akan dapat menyelesaikan masalah berbangkit berkaitan token.

Sekian, terima kasih.

“TRANSFORMASI TERENGGANU BAHRU”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(ABD AZIZ BIN CHIK)

Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Teknologi Maklumat)

b.p: Pegawai Kewangan Negeri

Terengganu

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab





Ruj Kami: 1SPEKS/TERENGGANU/MB/001
Ruj. Tuan: PERB.TR.U/21/42/02/4 (96)

4 April 2017

Encik Shukri Bin Azam
Bendahari Negeri
Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu
Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman
20592 Kuala Terengganu
TERENGGANU DARUL IMAN

Tuan,

MEMOHON PEMBUKAAN KAUNTER PEMBAHARUAN SIJIL DIGITAL TOKEN SPEKS DAN LATIHAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI (ToT) MENGGUNAKAN 1CRS – 1CERTIFICATE REGISTRATION SYSTEM

Dengan segala hormatnya kami merujuk kepada surat tuan bertarikh 29 Mac 2017 mengenai perkara di atas.

Sukacitanya ingin dimaklumkan bahawa pihak Pos Digicert bersetuju dengan permohonan pihak tuan untuk kami membuka kaunter dan mengadakan latihan pemindahan teknologi (ToT) menggunakan aplikasi 1CRS kepada pegawai teknikal Perbendaharaan Negeri Terengganu. Oleh itu, pihak kami ingin mencadangkan tarikh program tersebut diadakan bermula pada 18 April 2017 (Selasa).

Bagi mempastikan program ini berjalan lancar, pihak kami memerlukan kerjasama daripada pihak Perbendaharaan Negeri Terengganu untuk memaklumkan dan memanjangkan perihal seperti berikut :

- Pemohon yang ingin memperbaharui sijil digital perlu hadir sendiri ke kaunter;
- Salinan digital (soft copy) borang dan salinan kad pengenalan pemohon diperlukan untuk permohonan, bersama dengan LO/Pesanan Tempatan; dan
- Pemohon akan diberikan penerangan mengenai tatacara penggunaan 1CRS seperti proses permohonan baru and pembaharuan sijil digital, dan juga membuka sekatan token.

Pegawai teknikal juga akan diberikan penerangan tentang tata cara penggunaan 1CRS sekiranya pengguna mengalami kesulitan pada masa hadapan.

Keprihatinan dan sokongan berterusan daripada pihak tuan kepada Pos Digicert selama ini amatlah dihargai dan diucapkan jutaan terima kasih.

Yang benar,
POS DIGICERT SDN BHD

MOHAMMAD FISAL BIN EBRAHIM
Ketua Jualan dan Pemasaran

Pos Digicert Sdn. Bhd. (457608-K)
(formerly known as Digicert Sdn. Bhd.)
CA License No.: LPBP-1/2015(3)

No. 8-3A-02, Star Central,
Lingkaran Cyberpoint Timur,
63000 Cyberjaya,
Selangor Darul Ehsan
+603 8800 6000
www.digicert.com.my